

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN

: LISAN

DARIPADA

**: TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
[PADANG SERAI]**

TARIKH

: 14 DISEMBER 2021 [SELASA]

SOALAN

TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI [PADANG SERAI] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tindakan tegas terhadap remaja dan orang dewasa yang meminum minuman keras di tempat awam dan membuang sampah dan botol arak yang kosong di merata-rata tempat. Perkara ini menjatuhkan imej negara kita dan ini menunjukkan satu sikap yang tidak bermoral kepada generasi akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memandang serius tindakan remaja dan orang dewasa yang meminum minuman keras di tempat awam dan membuang sampah serta botol arak yang kosong di merata-rata tempat. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh mengenakan tindakan penguatkuasaan terhadap kesalahan membuang sampah dan botol arak yang kosong di merata-rata tempat dengan mengenakan denda sebanyak RM1,000 berdasarkan Seksyen 82, Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] dan Seksyen 47, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133].

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, tindakan penguatkuasaan berdasarkan Enakmen Kanun Jenayah Syariah Negeri atau Undang-undang Kecil (UUK) juga boleh dikenakan oleh PBT untuk kesalahan sedemikian. Contohnya, PBT di Negeri Kelantan boleh mengenakan denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau kedua-duanya dan disebat enam (6) kali di bawah Seksyen 25, Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1985 bagi kesalahan meminum minuman keras di tempat awam untuk pesalah yang beragama Islam. Di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri telah menguatkuasakan larangan menghisap rokok termasuk rokok elektronik (*vape*) dan larangan meminum arak di semua taman permainan dan rekreasi di seluruh negeri mulai 14 Julai 2020 di bawah peruntukan Undang-Undang Kecil Taman 2005. Individu yang didapati bersalah melanggar peraturan tersebut boleh didenda sebanyak RM1,000 bagi setiap kesalahan.

Sekian, terima kasih.